

**Marang:** Seramai 50 orang pentadbir dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Uni-SZA), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyertai Program Khidmat Komuniti di Kampung Merchang, di sini, kelmarin.

Program anjuran Majlis Persatuan Pentadbir Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia (MASTI) dengan kerjasama Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UniSZA (KEMUDI) itu bertujuan membantu pembangunan komuniti setempat dengan pembabitkan kakitangan IPTA.

Pengerusi Persatuan Pentadbir UiTM Nor Hashimah Rahmat berkata, pegawai tadbir di IPTA memainkan peranan besar dalam pembangunan sektor pentadbiran di universiti dan juga komuniti setempat.

"MASTI mengambil langkah untuk memberi sumbangan kepada masyarakat melalui program bersama komuniti setempat dengan mengadakan aktiviti menanam kelapa pandan di pesisiran Pantai Merchang sempena program di Terengganu kali ini.

"Penanaman ini bagi membantu komuniti di Kampung Merchang untuk mengindahkan lagi kawasan pantai serta menstruktur kembali lands-

## Tanam kelapa pandan pesisir Pantai Merchang



**SEBAHAGIAN** pentadbir yang menyertai Program Khidmat Komuniti menanam pokok kelapa pandan di pesisir pantai, kelmarin.

kap di kawasan ini yang dilihat semakin terhakis," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Program Khidmat Masyarakat di Dewan Serbaguna Kampung Merchang.

Beliau berkata, melihat peranan universiti yang semakin berkembang membuatkan MASTI begitu komited untuk mengadakan lebih banyak program komuniti membabitkan pelbagai golongan khususnya penduduk kampung.

"MASTI mengadakan mesyuarat tiga bulan sekali di universiti terpilih dan setiap kali bermesyuarat, kami akan mengadakan program komuniti seperti ini.

"Pelbagai aktiviti diran-

cang bukan sahaja membabitkan bidang pembangunan komuniti malah mencakupi pendidikan kepada kanak-kanak di kawasan pedalaman," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Merchang Adnan Irahim berkata, pihaknya menyambut program berkenaan dan ia terbukti dengan sambutan meriah serta kerjasama baik daripada penduduk kampung.

Katanya, melalui kerjasama ini, secara tidak langsung ia dapat membantu penduduk mengindahkan lagi kawasan perkampungan ini selain merapatkan hubungan silaturahim antara universiti dengan masyarakat setempat.